

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 16/06/2019

Edisi / Muka surat : www.bernama.com

Tajuk : *Angkasa minta Perak tawar permit dapur arang kepada koperasi*

Angkasa minta Perak tawar permit dapur arang kepada koperasi

Tarikh kemaskini: 16/06/2019



TAIPING, 16 Jun (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) hari ini meminta kerajaan negeri Perak dan Jabatan Perhutanan negeri agar menawarkan permit dapur arang secara terus kepada koperasi yang terbabit dalam industri berkenaan.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata langkah itu perlu kerana terdapat tiga koperasi di negeri ini yang terbabit dengan industri memproses arang kayu bakau bagi memenuhi permintaan tempatan.

Beliau berkata industri dapur arang tidak banyak diceburi oleh koperasi di negara ini dan salah satu yang aktif sejak 37 tahun lalu adalah Koperasi Azam Berhad, Kampung Dew dekat sini.

"Koperasi ini sudah mempunyai pengalaman dan kerajaan negeri perlu membantu kerana industri ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Azam Berhad ke-37 di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata walaupun terdapat pembakar moden elektrik, namun arang masih mempunyai permintaan kerana ia mengeluarkan aroma bau yang enak pada makanan.

Selain itu, Abdul Fattah berkata Angkasa sedia membantu koperasi yang terbabit dalam industri arang untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Masalah modal pusingan boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkasa boleh membantu koperasi kerana industri ini berpotensi untuk dikembangkan," katanya.

Menurut beliau Angkasa sedia menyokong penuh kerana pihaknya mahu koperasi menceburi bidang perniagaan baharu dan mampu mempunyai pulangan yang baik sekali gus membantu ahli.

-- *BERNAMA*